

03 OCT 1999

AGONG KIRIM PERUTUSAN TAHNIAH KEPADA PRESIDEN JERMAN

KUALA LUMPUR, 3 Okt (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah telah menghantar perutusan tahniah kepada Presiden Johannes Rau dari Jerman sempena Hari Perpaduan republik itu hari ini.

Menurut Wisma Putra, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghantar perutusan yang serupa kepada Canselor Gerhard Schroeder.

Dalam perutusannya, Dr Mahathir berkata beliau gembira kerana hubungan persahabatan dan mesra yang terjalin di antara kedua-dua negara berkekalan demi faedah bersama.

"Saya yakin hubungan ini akan diperkukuhkan di tahun-tahun akan datang terutama dalam bidang perdagangan dan pelaburan," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau juga gembira melihat Jerman akhirnya memindahkan ibu negaranya ke Berlin yang menandakan lengkapnya proses ke arah penyatuan sebuah negara Jerman.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar juga menghantar perutusan kepada rakan sejawatannya dari Jerman, Joschka Fisher.

-- BERNAMA

NHD AKD